

جورنل معاملات

JURNAL MUAMALAT

Bil.11 • 2018 | 1440H

ISSN:1985-6156

Modus Operandi Skim Pelaburan Cepat Kaya di Malaysia: Analisis Berasaskan Syariah

AHMAD SUFIAN CHE ABDULLAH & MA WAHAB FATONI MOHD BALWI

Study on Muslim Intention to Become Muslimgpreneur

SALMAH SATHIMAN, KALSOM, ABD.WAHAB, ASMADDY HARIS, ZANATUL SHIMA AMINUDDIN, & WAN HASMANIRAH, WAN MOHAMMAD

Trailblazing Value-Based Intermediation: The Dawn of New Era in Islamic Banking Experience in Malaysia

NOOR SUHAIDA KASRI & SILMI MOHAMED RADZI

Pembangunan Wakaf Kontemporari Menerusi Kerangka Konseptual Wakaf Unit Amanah: Sorotan Fatwa Semasa

AZMAN HASAN, SYAHNAZ SULAIMAN & AZMAN MOHD NOOR

The Prospects and Challenges of Sukuk Market in Malaysia

WAN HASMANIRAH WAN MOHAMMAD, NURSILAH AHMAD, SITI NURAZIRA MD DAUD, SALMAH SATHIMAN & WAN NOR AISYAH WAN YUSSOF

Issues and Challenges towards Achieving Financial Stability: A Case Study of State Owned Pawnshop (Ar-Rahnu) in Malaysia

NIK HADIYAN NIK AZMAN, SALINA HJ. KASSIM & ADEWALEE ABIDEEN ADEYEMI

Prestasi Kutipan serta Pematuhan Standard Prosedur Kutipan Zakat: Kajian Di Malaysia

MOHD FISUL ISMAIL, HAIRUNNIZAM WAHID & MOHD ALI MOHD NOOR

The Roles of Shariah Committee in the Implementation of Value Based Intermediation

AZMAN HASAN, RUSNI HASSAN & MUHAMMAD ISSYAM BIN ISMAIL

Literature Reviews on the Shariah Resolution Analysis between Islamic Finance Institution in Malaysia, Indonesia and Bahrain in Musyarakah and Mudarabah Contract

NOR ARFAH BINTI MOHD ISHAK, MOHAMMAD TAQIUDDIN BIN MOHAMAD & MOHD SHAHID BIN MOHD NOH





JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya
Tel: 03-8870 7000
Fax: 03-8870 7003
<http://www.islam.gov.my>

Cetakan Pertama 2019

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

ISSN : 1985-6156

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan
buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua
sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman
atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada
Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

i

Konsep & Reka Bentuk Oleh:
Darul Tenggara (M) Sdn Bhd

Dicetak Oleh:
Darul Tenggara (M) Sdn Bhd
No. 105, Jalan Taming 7
Taman Taming Jaya
43700 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan

PRESTASI KUTIPAN SERTA PEMATUHAN STANDARD PROSEDUR KUTIPAN ZAKAT: KAJIAN DI MALAYSIA

*(A Study on Zakat Collection Performance and Standard Compliance
Procedures: A Study in Malaysia)*

Mohd Fisul Ismail¹
Hairunnizam Wahid²
Mohd Ali Mohd Noor³

Abstrak

Di Malaysia, pengurusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab negeri-negeri yang dinaungi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (SPBA) dan Duli-Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan atau Raja, bukan di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang sering difahami oleh umat Islam di negara ini. Kesemua negeri di Malaysia pengurusan zakat terletak di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) kecuali di negeri Kedah pengurusan zakat ditadbir oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Isu pengurusan zakat oleh institusi zakat di Malaysia sering menjadi perbincangan dan mendapat perhatian daripada masyarakat. Justeru kajian ini akan mengkaji sama ada amil dilantik di negeri Kedah, Selangor dan Terengganu telah mematuhi prosedur kutipan yang sedang berkuat kuasa untuk menunjukkan sejauh manakah amil telah menjalankan tanggungjawab mereka mengikut prosedur kutipan zakat. Fokus kajian adalah membuat analisis mengenai pematuhan amil zakat yang dilantik terhadap pematuhan prosedur kutipan berdasarkan penarafan Indeks Akauntabiliti dan pemeriksaan mengejut dalam Laporan Ketua Audit Negara. Kajian dilakukan dengan menggunakan metode analisis kandungan daripada beberapa dokumen yang telah diterbitkan oleh Jabatan Audit Negara. Hasil kajian mendapati pematuhan piawaian prosedur kutipan zakat dan pengurusan kewangan bagi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)

- 1 Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, fisul@audit.gov.my
- 2 Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hairun@ukm.edu.my
- 3 Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, ali@ukm.edu.my

berada di tahap baik dan cemerlang. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memantapkan prestasi kutipan serta pematuhan terhadap prosedur kutipan seperti mewujudkan budaya kerja cemerlang. Implikasi dasar kajian ini ialah dapat membuktikan kepada masyarakat khususnya pembayar zakat bahawa institusi zakat mempunyai tahap pengurusan zakat yang cemerlang dan mereka tidak perlu meragui mengenai kecekapan dan keberkesanan pengurusan kutipan dan agihan zakat kepada asnaf yang berkelayakan.

Kata Kunci: Prosedur Kutipan, Penarafan Indeks Akauntabiliti, Institusi Zakat.

Abstract

In Malaysia, zakat management lies under the jurisdiction and responsibilities of the states under the patronage of The King (SPBA) and Sultans or Rulers, not under the administration of the state governments as understood by the Muslims in this country. All the states zakat management lies under the States Islamic Religious Councils (MAIN) except for the states of Kedah, which establishes a special institution relating to zakat that is the Kedah Zakat Board (LZNK). Hence, this study will examine whether the amil appointed in the states of Kedah, Selangor and Terengganu has complied with the zakat collection procedure in force to show how far amil has undertaken the responsibility according to zakat collection procedure. The focus of the study is to make an analysis on the compliance of the appointed amil zakat regarding the collection procedures based on the accountability index and surprise inspection as in The Auditor General's Report. The study was conducted using the analytical method of the content from several published documents by the National Audit Department. The findings of the study found that compliance with the standard zakat collection procedures for the Kedah Zakat Board (LZNK), the Selangor State Islamic Religious Council (MAIS) and the Terengganu State Islamic Religious And Malay Customs Council (MAIDAM) was well managed and outstanding levels. Several suggestions were forwarded to improve the collection performance and compliance procedures such as creating a brilliant work culture. The implication of this research policy is to prove to the community, especially the zakat payers that the zakat institutions have excellent management levels and they do not have to worry about the efficiency and effectiveness of collection and distribution of zakat to eligible beneficiaries (asnaf).

Keywords: *Standard Compliance Procedures, Accountability Index, Zakat Institution*

PENGENALAN

Zakat adalah salah satu rukun Islam yang berperanan penting dalam kehidupan umat Islam dan sebagai medium penyucian harta dan pendapatan yang diperolehi melalui pelbagai sumber (Azman, Norlian, 2016). Menurut Enakmen Lembaga Zakat Kedah 2015, zakat ertinya sebahagian harta mengikut kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut hukum syarak. Takrifan hukum syarak mengikut enakmen ini ertinya undang-undang Islam mengikut Mazhab Syafie atau mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali (Azman & Norlian, 2016).

Mahmood Zuhdi (2016) menyatakan antara agenda dalam sistem kewangan negara adalah berkaitan pembayaran dan pungutan zakat yang perlu diuruskan pemerintah dan tidak boleh dilakukan orang perseorangan. Sekiranya tanggungjawab ini tidak dilaksanakan dengan betul, ianya boleh mendatangkan penyelewengan atau kelemahan segala urusan yang berkaitan dengannya. Surtahman (2013) menyatakan pada 27 Mac 2004, Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang bertujuan memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Jabatan ini merupakan pelengkap kepada Majlis Agama Islam, Pusat Pungutan Zakat dan Lembaga Tabung Haji dan juga berperanan memulih dan meningkatkan reputasi institusi Islam.

Secara umumnya, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah ditubuhkan di setiap negeri bagi mengendalikan urusan berkaitan agama Islam. Antara tanggungjawab MAIN ialah menguruskan pentadbiran zakat dan menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu bagi pihak Sultan (iaitu bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja atau Sultan) dan bagi pihak Yang di-Pertuan Agong (iaitu bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan). Negeri Kedah adalah sebuah negeri yang mempunyai model pengurusan zakat yang amat unik dan berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia kerana ia diurus oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang ditubuhkan di bawah enakmen khas berkaitan pengurusan zakat yang tidak bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAINK), sebaliknya ia terus melapor Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Pengurusan zakat di negeri Selangor diurus sepenuhnya meliputi kutipan dan agihan zakat secara korporat oleh sebuah institusi yang dinamakan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor

(MAIS) pada tahun 1994. Manakala pengurusan zakat di Terengganu pula segala kutipan dan agihan zakat dijalankan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) (Ahmad Shahir et al, 2016).

Dalam konteks Malaysia, Islam telah diiktiraf sebagai agama bagi Persekutuan; akan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni di mana-mana tempat dalam Persekutuan. Sealiran dengan perkara ini, Butiran I Senarai II (Senarai Negeri) Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan adalah diperuntukkan, di antara lain-lain, bahawa kuasa bagi menggubal undang-undang Islam termasuk Zakat dan Baitulmal atau hasil pendapatan Islam yang serupa adalah terletak di bawah bidang kuasa tiap-tiap negeri. Sultan sebagai Ketua bagi negeri boleh mengikut budi bicaranya melantik pegawai-pegawai agama negeri dan amil bagi menentukan hala tuju hal ehwal agama di negeri masing-masing (Rais, 2016). Amil ertinya mana-mana orang yang beragama Islam yang dilantik oleh Lembaga Zakat Kedah bukan secara tetap untuk menjalankan tugas-tugas memungut dan mengagihkan zakat atau fitrah bagi pihak Lembaga Zakat Kedah (Enakmen Zakat 2015). Sejarah menunjukkan bahawa ramai amil yang dilantik pada zaman permulaan Islam telah berperanan dalam mengutip dan mengagihkan zakat. Walaupun tanpa manual dan garis panduan yang khusus tentang sistem kutipan dan agihan zakat, mereka dapat menjalankan tugas dengan telus, cekap dan amanah. Ini menunjukkan bahawa integriti amil ketika itu amat tinggi sehingga pengagihan zakat berjalan lancar tanpa sebarang aduan dan keluhan umat Islam ketika itu (Azman Ab Rahman, 2017).

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, Selangor dan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, Selangor dan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan dua jenis pengauditan iaitu pengauditan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan jabatan atau agensi negeri bagi mengukur dan menambah baik pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang (Swaibatul et. al., 2015).

Kebelakangan ini, beberapa isu dan kontroversi dilihat telah menimpa institusi zakat. Satu daripada isu tersebut adalah keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat. Maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan adalah penting untuk didedahkan di dalam pelaporan prestasi institusi zakat antaranya maklumat korporat, penyata kewangan, analisis prestasi kewangan dan nisbah prestasi kewangan. Menurut Noor Fadzilah et. al., (2014), penekanan seharusnya diberikan kepada maklumat sijil dan laporan Ketua Audit Negara, penyata pendapatan dan perbelanjaan, maklumat prestasi perkhidmatan dan maklumat perancangan. Menurutnya lagi pembayar dan pentadbir zakat mementingkan maklumat ini diuar-uarkan dan mudah diakses oleh orang ramai. Institusi zakat berhadapan dengan risiko ketidakpercayaan masyarakat ditambah pula isu-isu kecil yang turut menghangatkan keadaan.

Hasil kajian ini juga diharap dapat meningkatkan keyakinan orang ramai untuk terus menyokong institusi ini kerana masyarakat telah mendapat maklumat yang tidak dapat dipastikan kebenarannya terutamanya melalui media massa. Pandangan ini adalah tidak adil kerana masyarakat sebenarnya tidak mengetahui tanggungjawab amil secara lebih dekat, terutamanya aspek prosedur kerja serta tugas yang digalas oleh institusi zakat amnya dan amil khususnya dalam menguruskan amanah dana zakat. Justeru, kajian ini akan menganalisis tahap pematuhan standard prosedur kutipan zakat di pejabat amil negeri dan mengkaji hubungan antara pematuhan standard prosedur dengan prestasi kutipan zakat oleh negeri. Hasil kajian ini amat signifikan untuk menunjukkan prestasi pengurusan zakat oleh institusi zakat daripada aspek pematuhan standard prosedur serta perkaitannya dengan prestasi kutipan zakat setiap tahun. Hasil kajian ini diharapkan dapat meningkatkan lagi keyakinan pembayar zakat untuk terus membayar kepada institusi zakat negeri.

KAJIAN LEPAS

Aspek kecekapan pengurusan kewangan adalah sangat penting dalam operasi sesebuah firma, syarikat atau jabatan. Pada akhir kurun ke-18 dan awal kurun ke-19 beberapa negara maju mula mengalihkan perhatian ke arah reformasi awam melalui pelbagai inisiatif reformasi pengurusan kewangan sektor awam. Antara tujuan utama perubahan tersebut adalah wujud keperluan untuk cekap, efisien, efektif dan ekonomi yang menfokus kepada pengurusan operasi dan kewangan sektor awam (Monir & Wahyu, 2013). Di sektor awam Malaysia, Penilaian Penarafan Bintang (*Star Rating System*) mula dilaksanakan pada tahun 2008 dan kini memasuki fasa baharu pada tahun 2015 berikutan pengenalan model baharu penarafan iaitu Indeks Penarafan Bintang. Antara

objektif penilaian SRS adalah untuk menilai dan mengukur prestasi sektor awam berfokuskan keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berdasarkan aspirasi pemegang taruh (MAMPU, 2015).

Kajian Abdul Hayy dan Hairunnizam (2017) pula mendapati persepsi masyarakat Islam di Bintulu terhadap Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) masih lagi di tahap tinggi walaupun masih wujud beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian. Tanggapan negatif masih lagi wujud walaupun pihak TBS telah menjalankan amanah dan tanggungjawab dalam mengagihkan zakat mengikut bidang kuasa yang telah digariskan dalam enakmen negeri. Mohd Faezul et. al., (2017) juga menegaskan aspek kecekapan dan keberkesanan adalah sangat penting terutamanya bagi sektor awam yang merupakan perantara kerajaan dengan rakyat. Sebagai sebuah entiti awam, Majlis Agama Islam Negeri dan institusi zakat perlu memastikan kelancaran perjalanan tadbir urus kewangan agar dapat mengekalkan prestasi kecekapan yang baik. Prestasi institusi zakat dalam mengutip dan mengagihkan zakat haruslah diperkemas dan ditambah nilai kerana zakat berperanan dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan masyarakat dan negara. Malah, prestasi yang cekap dan telus pasti meningkatkan keyakinan masyarakat untuk membayar zakat.

Aspek kecekapan dalam kutipan dan agihan zakat merupakan perkara yang penting bagi institusi zakat malah masyarakat Islam seluruhnya. Dana zakat mampu memberi impak dalam pembasmian kemiskinan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara sekiranya aspek pengagihan zakat dititikberatkan (Mannan, 2003). Justeru, penerimaan masyarakat terhadap kecekapan dan keadilan dalam pengurusan dana zakat oleh institusi zakat sangat kritikal untuk dibincangkan. Ini kerana keadaan ini boleh mempengaruhi prestasi kutipan dan agihan zakat secara jangka panjang. Isu keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat dan tadbir urus zakat yang tidak telus didakwa menjadi punca kepada permasalahan tersebut (Md Hairi et.al., 2012). Ini disokong oleh kajian Ahmad Hidayat & Saidatul (2014) bahawa wujud rungutan terhadap institusi zakat dalam pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang mengakibatkan keyakinan masyarakat kepada MAIN dan institusi zakat terjejas seterusnya enggan membayar zakat.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah salah satu aspek terpenting untuk menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti di mana terdapat pelbagai metodologi yang boleh digunakan. Penggunaan metodologi yang sesuai bertujuan supaya

kajian yang dijalankan dilaksanakan secara terancang, sistematik dan dapat memastikan objektif kajian dapat dicapai. Mengikut Cohen, Manion & Morrison (2007), metodologi sebagai pendekatan dalam penyelidikan akademik untuk mengumpul maklumat dan merupakan satu prosedur sistematik yang menggabungkan penyesuaian berkaitan pendekatan serta analisis data bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kaedah pengumpulan data bagi sesuatu penyelidikan merupakan suatu proses berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan kutipan data bagi memastikan sesebuah penyelidikan dapat menyelesaikan permasalahan kajian dan mencapai objektifnya. Sumber data sekunder seperti data berkaitan pematuhan prosedur kutipan zakat dan penarafan indek akauntabiliti institusi zakat bagi negeri Kedah, Selangor dan Terengganu diperolehi dari Laporan Ketua Audit Negara.

Institusi pengurusan zakat di Malaysia wujud di bawah pentadbiran sebanyak 13 buah negeri dan wilayah persekutuan yang mempunyai struktur pengurusan berbeza. Pemilihan sampel bagi tiga (3) buah negeri iaitu negeri Kedah, Selangor dan Terengganu berdasarkan kategori pengurusan. Negeri Kedah adalah satu-satunya negeri yang mengutip dan mengagih zakat diuruskan oleh LZNK dan tidak bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Manakala negeri Selangor pula, kutipan dan agihan zakat dilaksanakan secara korporat sepenuhnya oleh sebuah institusi yang merupakan anak syarikat MAIS yang dinamakan Lembaga Zakat Selangor (LZS-MAIS). Akhir sekali negeri Terengganu merupakan negeri yang mana kutipan dan agihan zakat diuruskan oleh MAIDAM sendiri melalui institusi Baitulmal (Ahmad Shahir et. al. 2016).

Pemilihan Pejabat Amil Zakat di UTC, Daerah Kubang Pasu dan Kuala Muda di Kedah, Pejabat Amil Cawangan Bandar Baru Bangi, Bandar Baru Salak Tinggi, Sungai Besar di Selangor dan Daerah Besut, Daerah Kemaman dan Daerah Setiu di Terengganu bagi tujuan mengetahui pematuhan terhadap prosedur kutipan adalah berdasarkan kepada pejabat tersebut telah dijalankan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Kedah, Selangor dan Terengganu untuk membuat analisis prestasi pengurusan kewangan institusi zakat berdasarkan Indeks Akauntabiliti dari tahun 2007 hingga 2015. Secara ringkasnya penilaian prestasi pengurusan kewangan Institusi Zakat, Jabatan Audit Negara (JAN) akan menfokuskan kepada sembilan (9) elemen iaitu Pengurusan Organisasi, Pengurusan Bajet, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang

Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyata Kewangan. Berdasarkan penilaian ini, institusi zakat akan mengetahui status pengurusan kewangannya sama ada berada pada tahap cemerlang, baik, memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan.

HASIL KAJIAN

Analisis telah dijalankan, terdapat Laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Kedah, Selangor dan Terengganu mengenai pematuhan standard prosedur kutipan zakat yang melibatkan sebanyak 20 peraturan yang perlu dipatuhi. Berdasarkan Jadual 1, Pejabat Amil di UTC, Daerah Kubang Pasu dan Daerah Kuala Muda bagi negeri Kedah telah mematuhi prosedur kutipan masing-masing sebanyak 90 peratus, 80 peratus dan 95 peratus. Pejabat Amil di negeri Selangor di cawangan Bandar Baru Bangi, cawangan Bandar Baru Salak Tinggi dan cawangan Sungai Besar telah mematuhi 100 peratus prosedur kutipan. Bagi negeri Terengganu, Pejabat Amil di Pusat Urus Zakat daerah Besut, Kemaman dan Setiu masing-masing mematuhi prosedur kutipan sebanyak 85 peratus, 90 peratus dan 100 peratus.

Prestasi pematuhan terhadap prosedur kutipan dikategorikan kepada lima aspek iaitu Cemerlang (90-100%), Baik (80-89.90%), Memuaskan (70-79.90%), Kurang Memuaskan (60-69.90%) dan Tidak Memuaskan (59.90% ke bawah). Merujuk kepada Jadual 2, secara puratanya pematuhan terhadap prosedur kutipan bagi Institusi Zakat di Negeri Kedah, Selangor dan Terengganu berada di tahap baik dan cemerlang. Semua kutipan zakat bagi negeri Kedah, Selangor dan Terengganu telah menunjukkan peningkatan sejak tahun 2007 hingga tahun 2015. Walau bagaimanapun hanya kutipan di negeri Kedah sahaja yang mengalami sedikit penurunan iaitu pada tahun 2012. Secara keseluruhannya, pematuhan terhadap prosedur kutipan di institusi zakat yang berada ditahap baik dan cemerlang telah dapat meningkatkan kutipan zakat dan juga berpunca daripada faktor lain seperti peningkatan jumlah pembayar zakat dan juga jumlah pendapatan (Nor Ghani et. al., 2001).

Jadual 1 : Pemuatan Standard Prosedur Kutipan Zakat Berdasarkan Pemeriksaan Mengejut Di Pejabat Amil Negeri Kedah, Selangor dan Terengganu

Bil.	Elemen Pemuatan	Kedah			Selangor			Terengganu			
		Pejabat Amil UTC 2015	Pejabat Amil Daerah Kubang Pasu 2014	Pejabat Amil Daerah Kuala Muda 2014	Pejabat Amil Cawangan Bandar Baru Bangi 2015	Pejabat Amil Cawangan Bandar Salak Tinggi 2015	Pejabat Amil Cawangan Sungai Besar 2015	Pejabat Amil Daerah Besut 2014	Pejabat Amil Daerah Kemaman 2014	Pejabat Amil Daerah Setiu 2014	
1	Resit rasmi dikeluarkan bagi setiap terimaan.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
2	Resit rasmi dikeluarkan secara bersiri.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
3	Kutipan direkodkan ke dalam buku tunai dengan segera.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
4	Jumlah kutipan dibankkan segera.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
5	Semakan dibuat ke atas cetakan bank dislip bank/penyata pemungut.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
6	Kutipan yang tidak sempat dibankkan disimpan dalam peti besi.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
7	Daftar borang hasil diselenggarakan.	/	/	/	tb	tb	tb	x	/	/	
8	Perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.	/	/	/	tb	tb	tb	/	/	/	

9	Baki stok hasil bersa- maan dengan baki se- benar.	/	/	/	/	tb	tb	/	/	/	/
10	Semua stok resit rasmi yang belum digunakan disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.	/	/	/	tb	tb	tb	/	/	/	/
11	Notis pemberitahuan awam untuk mendapa- tikan resit rasmi setelah wang dibayar ada dipa- merkan.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
12	Logo kad kredit dipapar bagi kutipan melalui kad kredit.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
13	Perwakilan kuasa se- cara bertulis diberikan kepada pegawai yang membuat kutipan zakat.	/	x	/	/	/	/	/	/	/	/
14	Kad akses berada pada pegawai yang diberi kuasa.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
15	Kad akses/katalaluan bagi pegawai yang ber- tukar/berhenti dibatal- kan.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
16	Peti besi digunakan un- tuk menyimpan segala wang kutipan zakat.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

17	Peti besi mempunyai anak kunci/kod kom- binasi yang berasingan yang dipegang oleh dua pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.	/	x	/	/	/	/	/	/
18	Peti besi dicantumkan ke- rangka bangunan jika bersesuaian.	/	/	/	/	/	/	/	/
19	Ketua Jabatan melaku- kan pemeriksaan mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan.	X	x	/	tb	tb	tb	x	x
20	Hasil pemeriksaan mengejut yang dilaku- kan direkodkan dengan lengkap.	X	x	x	tb	tb	tb	x	x
		18/20	16/20	19/20	14/14	14/14	14/14	17/20	18/20
		90%	80%	95%	100%	100%	100%	85%	90%
									100%

Nota : (/) Pemuatan terhadap kriteria yang diaudit. (x) Tidak Patuh terhadap kriteria yang diaudit. (tb) Tidak berkaitan
Sumber : Laporan Ketua Audit Negara Negeri Kedah Tahun 2014 dan 2015, Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor
Tahun 2015 dan Laporan Ketua Audit Negara Negeri Terengganu Tahun 2014

Aspek utama penilaian pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti adalah seperti berikut iaitu Pengurusan Organisasi, Pengurusan Bajet, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyata Kewangan. Selepas sembilan (9) aspek utama ini dinilai, setiap institusi zakat akan diberikan markah tertentu. Sejak mula diperkenalkan oleh Jabatan Audit, sebanyak lima (5) kali penarafan telah dibuat dari tahun 2008 hingga 2015. Markah yang diperolehi adalah antara 77.03 peratus hingga 96.17 peratus. Pada tahun 2012 (91.15%) dan 2015 (96.17%) pengurusan kewangan LZNK berada di tahap cemerlang. Jabatan Audit Negara telah melakukan pengauditan sebanyak tujuh (7) kali terhadap MAIS dari tahun 2007 hingga 2014. Dalam tempoh tersebut, markah yang diperolehi antara 85.52 peratus hingga 94.84 peratus. Pada tahun 2008 (90.1%), 2009 (91.9%), 2011(93.58%) dan 2014 (94.84%) pengurusan kewangan MAIS berada di tahap cemerlang. Jabatan Audit Negara juga telah melakukan pengauditan sebanyak tujuh (7) kali terhadap MAIDAM dari tahun 2007 hingga 2013. Dalam tempoh tersebut, markah yang diperolehi antara 70.2 peratus hingga 96.98 peratus. Pada tahun 2009 (92.3%), 2010 (93.2%), 2011 (96.98%), 2012 (96.24%) dan 2013 (95.81%) pengurusan kewangan MAIDAM berada di tahap cemerlang bagi tempoh 5 tahun berturut-turut.

Pola kutipan zakat tahunan dan pematuhan standard prosedur kutipan dapat dilihat pada Jadual 2. Kajian mendapati jumlah keseluruhan kutipan zakat bagi tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Selangor dan Terengganu bagi tahun 2007 berjumlah RM 293.82 juta telah meningkat menjadi RM894.25 juta bagi tahun 2015. Dalam tempoh berkenaan menunjukkan peningkatan kutipan zakat telah berlaku setiap tahun. Dalam tempoh yang sama pematuhan standard prosedur kutipan juga menunjukkan peningkatan iaitu purata keseluruhan pematuhan bagi tahun 2007 bernilai 78.6 peratus dan meningkat menjadi 96.17 peratus pada tahun 2015. Secara keseluruhan jumlah pematuhan purata bagi tempoh 2007 hingga 2015 bagi 3 negeri yang dikaji adalah 90.11 peratus. Ini memberi gambaran pematuhan standard prosedur kutipan yang semakin meningkat telah melicinkan urusan kutipan zakat dan telah memberi keyakinan kepada masyarakat dengan meningkatnya kutipan zakat setiap tahun.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Penarafan penilaian pengurusan kewangan Indeks Akauntabiliti (IA) adalah untuk mengukur akauntabiliti dan integriti Ketua Pegawai Eksekutif institusi zakat dalam menguruskan kewangan institusi dari segi pematuhan terhadap

prosedur kewangan yang berkuatkuasa. Penarafan Indeks Akauntabiliti kini telah menjadi salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) bagi menilai prestasi pengurusan kewangan sesebuah kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Hasil daripada penarafan ini, Ketua Pegawai Eksekutif boleh mengetahui status pengurusan kewangannya sama ada berada pada tahap cemerlang (5 bintang), baik (4 bintang) memuaskan (3 bintang), kurang memuaskan (2 bintang) dan tidak memuaskan (1 bintang) (Swaibatul et. al., 2015).

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di tiga buah institusi zakat berada di tahap baik (80-89.90%) dan (cemerlang 90-100%). Sepanjang tempoh penilaian oleh Jabatan Audit Negara dari tahun 2008 hingga 2015, institusi zakat di negeri Kedah, Selangor dan Terengganu berada ditahap cemerlang masing-masing sebanyak dua (2), empat (4) dan lima (5) kali. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Kedah tahun 2015, sebanyak 16 jabatan atau agensi kerajaan telah dibuat penilaian. LZNK telah memperolehi markah sebanyak 96.17 peratus dan merupakan agensi yang berada di kedudukan pertama daripada 16 jabatan atau agensi yang dibuat penarafan dan merupakan pencapaian tertinggi yang pernah diperolehi sepanjang tempoh penilaian. Pada tahun 2014, MAIS telah memperolehi 94.84 peratus markah dan menduduki tempat kedua daripada 15 jabatan atau agensi yang diaudit. Bagi MAIDAM pula pada tahun 2013 berada di kedudukan 4 dengan markah 95.81 peratus daripada 16 jabatan yang dijalankan pengauditan.

Prosedur kutipan merupakan tatacara yang diwujudkan bagi memastikan semua pungutan mengurus dan dikendalikan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan sempurna (Swaibatul et. al., 2015). Hasil kajian juga menunjukkan sebanyak tiga (3) Pejabat Amil di Kedah telah mematuhi standard prosedur kutipan semasa pengauditan mengejut dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Pejabat tersebut iaitu Pejabat Amil UTC, Pejabat Amil Daerah Kubang Pasu dan Pejabat Amil Daerah Kuala Muda telah mematuhi prosedur kutipan iaitu masing-masing sebanyak 90 peratus, 80 peratus dan 95 peratus daripada 20 prosedur yang perlu dipatuhi bagi sistem kutipan. Bagi Pejabat Amil di Selangor yang terdiri daripada Pejabat Amil Cawangan Bandar Baru Bangi, Pejabat Amil Cawangan Bandar Baru Salak Tinggi dan Pejabat Amil Cawangan Sungai Besar telah mematuhi 100 peratus prosedur kutipan. Sementara itu, Pejabat Amil di Terengganu terdiri daripada Pejabat Amil Daerah Besut, Pejabat Amil Daerah Kemaman dan Pejabat Amil Daerah Setiu masing-masing mematuhi sebanyak 85 peratus, 90 peratus dan 100 peratus prosedur kutipan.

Jadual 2 : Hubungan Antara Kutipan Zakat dengan Pemuatuhan Standard Prosedur Kutipan Zakat

Negeri Tahun	Kedah ²		Selangor ³		Terengganu ⁴		Purata Keseluruhan Pemuatuhan (%)	Jumlah Keseluruhan Kutipan ¹ (RM Juta)
	Pemuatuhan Prosedur (%)	Kutipan Zakat (RM Juta)	Pemuatuhan Prosedur (%)	Kutipan Zakat (RM Juta)	Pemuatuhan Prosedur (%)	Kutipan Zakat (RM Juta)		
2007	tp	40.29	87.00	202.09	70.20	51.44	78.60	293.82
2008	83.30	57.51 (42.74)	90.10 (3.56)	244.47 (20.97)	80.50 (14.67)	66.20 (28.69)	84.63	368.18
2009	77.03 (-7.53)	70.90 (23.28)	91.90 (1.99)	283.65 (16.03)	92.30 (14.66)	73.56 (11.12)	87.08	428.11
2010	87.42 (13.49)	80.78 (13.94)	85.52 (-6.94)	336.93 (-18.78)	93.20 (0.98)	76.44 (3.92)	88.71	494.15
2011	tp	106.90 (32.33)	93.58 (9.42)	394.10 (16.97)	96.98 (4.06)	88.30 (15.52)	95.28	589.30
2012	91.15	105.80 (-1.03)	tp	451.32 (14.52)	96.24 (-0.76)	107.08 (21.27)	93.70	664.20
2013	tp	123.10 (16.35)	88.17	517.30 (14.62)	95.81 (-0.45)	120.88 (12.89)	91.99	761.28

2014	tp	134.18 (9.0)	94.84 (7.56)	582.26 (12.56)	tp	120.12 (-0.63)	94.84	839.56
2015	96.17	140.39 (4.63)	tp	627.22 (7.72)	tp	126.64 (5.43)	96.17	894.25
Purata	87.01 (2.98)	102.45 (17.66)	90.69 (3.12)	429.66 (15.27)	92.51 (5.53)	97.40 (12.27)	90.11 (3.88)	

Nota: ¹ Jumlah kutipan zakat ketiga-tiga negeri yang dikaji

² LZNK yang ditubuhkan di bawah enakmen khas berkaitan pengurusan zakat yang tidak bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri

³ LZS: pengkorporatan kutipan dan agihan zakat

⁴ MAIDAM: tiada pengkorporatan kutipan dan agihan zakat

tp = Pada tahun berkenaan penilaian tidak dibuat oleh Jabatan Audit Negara

(%) adalah peratusan perubahan tahunan

Sumber : Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Kedah (2008, 2009, 2010, 2012 dan 2015), Selangor (2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2013 dan 2014) dan Terengganu (2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014) Laporan Tahunan Institut Zakat Kedah, Selangor dan Terengganu bagi Tahun 2007-2015

Pemeriksaan mengejut bermaksud Pejabat Amil akan dibuat pemeriksaan oleh Jabatan Audit Negara tanpa dimaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenarnya lawatan dibuat bertujuan untuk memastikan sama ada hasil zakat, wang awam yang lain, harta institusi, barang berharga di bawah jagaan amil sentiasa teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat (Swaibatul et. al, 2012).

Kajian ini membuktikan Pejabat Amil sentiasa berada dalam kedudukan yang baik dan cemerlang terhadap pematuhan standard prosedur sistem kutipan. Peraturan berkaitan pengurusan institusi zakat yang diwujudkan amat penting bagi memastikan perjalanan operasi sentiasa berada di tahap yang cemerlang. Pada 17 Disember 2015, LZNK telah meminda Enakmen Zakat Tahun 1955 dan kini dikenali sebagai Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman Tahun 2015 (LZNK). Antara perkara penting dalam Enakmen baharu LZNK untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat ialah mengenai perlantikan agen termasuk amil, peguam, bank dan mana-mana orang untuk menjalankan aktiviti berkaitan zakat, boleh mewujudkan tatacara pemungutan dan pengagihan zakat/fitrah dan boleh meminta maklumat daripada mana-mana pihak bagi maksud melaksanakan urusan berkaitan zakat. Institusi MAIS telah menggunakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan MAIDAM menggunakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 berkaitan pengurusan zakat. LZNK dan MAIDAM menggunakan Pekeliling Perbendaharaan manakala Majlis Agama Islam Selangor menggunakan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Selangor 2011 sebagai tatacara pengurusan kutipan dan zakat di negeri masing-masing.

Melalui perbincangan dengan Pengurus Kewangan LZNK, terdapat banyak faktor yang membantu institusi zakat untuk mengekalkan kecemerlangan dalam pengurusan kewangan seperti pengurusan atasan mempunyai pemikiran yang strategik mempunyai budaya kerja yang cemerlang di semua peringkat pekerja, gabungan pekerja yang berlatar; belakang pengajian agama dan kewangan yang mengurus urusan berkaitan zakat dan peranan yang berkesan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Akaun serta Jawatankuasa Audit.

Hasil kajian juga mendapati pematuhan standard prosedur kutipan zakat dan pengurusan kewangan bagi LZNK, MAIS dan MAIDAM berada ditahap baik dan cemerlang. Kajian ini juga disokong oleh kajian yang dibuat oleh Mohammad et.al. (2016) yang menjelaskan bahawa prestasi pengurusan kewangan MAIDAM yang berada di tahap memberangsangkan. Rumusannya implikasi dasar daripada kajian ini terbahagi kepada 3 perkara utama iaitu

(1) membuktikan kepada masyarakat khususnya pembayar zakat bahawa institusi zakat mempunyai tahap pengurusan zakat yang cemerlang dan mereka tidak perlu meragui mengenai kecekapan dan keberkesanan pengurusan kutipan dan agihan zakat kepada asnaf yang berkecukupan, (2) prosedur kutipan yang diamalkan oleh amil (MAIN) sentiasa dipatuhi dan (3) sentiasa mematuhi prosedur berkaitan kutipan zakat agar tidak berlaku ketirisan semasa membuat kutipan.

KESIMPULAN

Kecemerlangan pengurusan kewangan dan Pematuhan Standard Prosedur Kutipan Zakat merupakan sesuatu yang dipandang penting oleh masyarakat. Pengurusan kewangan dan pematuhan terhadap prosedur kutipan akan mempengaruhi kutipan zakat. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pematuhan standard prosedur kutipan zakat di Pejabat Amil dan pengurusan kewangan bagi LZNK, MAIS dan MAIDAM berada di tahap cemerlang. Prestasi yang cemerlang ini menggambarkan wujudnya profesionalisme dalam urusan kutipan dan agihan zakat. Prestasi pengurusan kewangan dan pematuhan terhadap prosedur kutipan yang baik bukan sahaja dapat digunakan untuk membuat perancangan kutipan dan agihan yang baik, malah akan dapat memberi perspektif yang baik kepada pembayar zakat. Namun begitu setiap kakitangan yang terlibat dalam urusan zakat perlu sentiasa memastikan urusan kutipan dan agihan berada di tahap cemerlang. Kajian lanjutan boleh dilakukan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlaku ketirisan dan rasuah dalam urusan kutipan dan agihan zakat walaupun prestasi pengurusan kewangan berada di tahap cemerlang.

RUJUKAN

- Abdul Hayy Haziq Mohamad, Hairunnizam Wahid. 2017. Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Agihan Zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Peranan Medium Promosi: Kajian di Bintulu, Sarawak. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Perkem Ke – 12 2017 *The Malaysian National Economic Conference 2th Perkem 2017* 12 – 13 September 2017. Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor, Malaysia.108-118
- Ahmad Hidayat & Saidatul. 2014. Pentadbiran Zakat dan Kesedaran Masyarakat Islam Membayar Zakat di Daerah Kota Belud, Sabah. *Jurnal Sains Hamunika*.2(1): 125-134

- Ahmad Shahir Makhtar, Shafian Ahmad, Mat Noor Mat Zain & Zaini Nasobah. 2016. *Tranformasi Pengurusan Zakat dan Model Pelaksanannya di Malaysia*. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Perundangan Islam pada 29 Oktober 2016, bertempat di Krabi Front Resort, Krabi Thailand.
- Al-Buhuti, Mansur Yunus. 1982. *Kashshaf Al-Qina An Matn al-Iqna*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Azman Ab Rahman & Norlian Ismail. 2016. Analisis Skim Agihan Zakat Kepada Muallaf Berasaskan Maqasid Syari'ah di Majlis Agama Negeri Sembilan. *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*. Kuala Lumpur. Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Azman Ab Rahman. 2017. *Tranformasi Pemeraksanaan Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia. Memperkasakan Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Nilai. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2007. *Research Methods in Education. Journal Education*.
- Dewan Undangan Negeri Kedah. 2015. Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. 2003. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.
- Dewan Undangan Negeri Terengganu. 2001. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia : Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuashati? *Jurnal Syariah*.17(1) 2009 : 89-112.
- Mahmood Zuhdi. 2016. Kata Pengantar. *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*. Kuala Lumpur. Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Malaysia. 1957. Akta Audit 1957.
- Malaysia. 1957. Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- MAMPU. 2015. Laporan Indeks Penarafan Bintang 2015.
- Mannan M.A. 2003. *Public Sector Management of Zakat dalam :Hannan S.A (eds.). Zakat and Poverty Alleviation*. Dhaka: Islamic Economics Research Bureau.
- Md Hairi Md Hussain, Kamil Md Idris & Ram AlJeffri Saad. 2012. Ketelusan di dalam Tadbir Urus Zakat. *Prosiding Seminar Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia*. Sintok : UUM.

- Mohammad, Hairunnizam dan Mohd Ali. 2016. Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat : Kajian di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. *Prosiding Seminar Pengajian Islam* (SEPIS) 2016, hlm. 257-265.
- Mohd Faezul Fikri Ag Omar, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor. 2017. Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Kajian di Majlis Ugama Islam Sabah. *Jurnal Syariah*, Jil. 25, Bil. 3 (2017) 415-452.
- Monir & Wahyu. 2013. Public Sector Financial Management Reform : A Case Study of Local Government Agencies in Indonesia. *Australasian Accounting, Business and Finance Journal* 7(4): 97-117.
- Noor Fadzilah Shafie, Ruhanita Maelah & Norida Basnan. 2014. Keperluan Pemegang Kepentingan Institusi Zakat Terhadap Item Maklumat Pelaporan Prestasi. *Prosiding PERKEM-9* 2014. 543-50.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail. 2001. Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions. *Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam*. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rais Alias. 2016. Pembangunan Institusi Zakat di Malaysia. *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*. Kuala Lumpur. Pusat Pengutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Sarina Md Noor. 2017. Prestasi Cemerlang Pengurusan Kewangan LZNK, Alor Setar. Temu bual, 8 Jun.
- Surtahman Kastin Hasan. 2013. *Sistem Ekonomi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Swaibatul Aslamiah binti Hj. Husain, Noor Azura binti Ahmad, Ahmad bin Seli & Rosenani binti Ahmad . 2015. *Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dari Perspektif Jabatan Audit Negara* (Edisi Kedua). Putrajaya. Jabatan Audit Negara



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA



03-8870 7000



03-8870 7707



<http://www.islam.gov.my/>



<https://www.facebook.com/MyJakimMalaysia>



<https://twitter.com/MyJAKIM>



<https://www.instagram.com/myjakim/>



<https://www.youtube.com/user/tvjakim>

ISSN 1985 - 6156



9 771856 15008